

Ubah sikap terhadap wanita

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 25 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kesaksamaan gender tidak dapat diwujudkan melalui penggubalan undang-undang dan dasar sahaja, sebaliknya sikap serta minda masyarakat terhadap wanita perlu diubah.

Menurut Perdana Menteri, hanya dengan perubahan minda dan sokongan padu masyarakat dapat merealisasikan aspirasi kesaksamaan gender yang sebenar dengan saling mengiktiraf dan menghormati antara lelaki dan wanita.

Beliau berkata, pembangunan dan kesaksamaan gender dalam politik, ekonomi, sosial dan budaya merupakan satu matlamat yang mesti dicapai bukan hanya kerana ia memberi manfaat kepada wanita, malah menyumbang kepada peningkatan mutu hidup rakyat.

“Namun matlamat itu tidak tercapai kerana kurang kesedaran serta bimbingan mengenai bagaimana untuk mencapai matlamat kesaksamaan gender.

Hanya dengan perubahan minda dan sokongan padu masyarakat dapat merealisasikan aspirasi kesaksamaan gender yang sebenar

“Justeru dari peringkat atasan termasuk ahli politik, pegawai tinggi kerajaan, pemimpin korporat dan seluruh peringkat akar umbi perlu memberi kerjasama ke arah mencapai kesaksamaan gender,” katanya dalam ucapan pada majlis sambutan Hari Wanita 2006 yang bertemakan Kesaksamaan Gender, Rakyat Sejahtera di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), di sini hari ini.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Hadir sama ialah isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Timbalannya, Datuk G. Palanivel.

**ABDULLAH
AHMAD BADAWI**
Perdana Menteri

Pada majlis itu, sebanyak 10 wanita dianugerahkan Tokoh Wanita iaitu F.R. Bhupalan, Datuk Lily Abdul Majeed, Datuk Paduka Ruby Lee, Puan Sri Athi Nahappan Janaky, Puan Sri Hong Eu Ngoh, Datuk Hendon Din, Tun Fatimah Hashim, Toh Puan Umasundari Sambanthan, Puan Sri Prof. Dr. Fatimah Hamid Don dan Tan Sri Kamsiah Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri turut melancarkan Radio Wanita (WFM 88.01) selain merasmikan manual laporan mengenai analisis bajet gender di Malaysia dan pelancaran majalah *Her Voice* terbitan Jabatan Pembangunan Wanita.

Sementara itu, pada sidang akhbar yang diadakan selepas majlis itu, Najib berkata, Kabinet telah meluluskan permohonan Ke-

menterian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya semua undang-undang yang kemungkinan mempunyai unsur ketidaksamaan gender dikaji semula.

Katanya, tiga jawatankuasa antara agensi akan ditubuhkan bagi mengkaji perundangan yang mempunyai unsur ketidaksamaan gender iaitu jawatankuasa yang pertama akan mengkaji perkara di dalam perlembagaan persekutuan dipengerusikan oleh Jabatan Peguam Negara.

“Sementara jawatankuasa kedua akan mengkaji undang-undang dan peraturan Imigresen dipengerusikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri manakala kajian terhadap undang-undang berkaitan pekerjaan akan dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia.

“Kita tidak dapat memberikan secara khusus undang-undang itu dan perlukan kajian lanjut. Kita akan umumkan kemudian,” katanya.

Menurut Najib, undang-undang ketidaksamaan gender itu telah lama dikuatkuasakan namun secara tidak disedari ia bertentangan dengan wanita.